

29 JUL 2002

Mahathir-Dilema/I

MAHATHIR JELASKAN DILEMA YANG DIHADAPI ORANG MELAYU

PETALING JAYA, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini bercakap mengenai dua dilema yang dihadapi orang Melayu -- sama ada mereka mahu membiarkan parti yang mendakwa kononnya Islam membinasakan mereka dan negara, dan sama ada mereka perlu membuang "tongkat" bagi membolehkan mereka menjadi bangsa yang berjaya.

Perdana Menteri berkata kemunculan parti itu di negara ini telah mengakibatkan perjuangan untuk membina ketahanan diri orang Melayu telah dipesongkan oleh kepentingan-kepentingan agama yang dicipta oleh politik Islam itu.

Beliau berkata negara sedang menyaksikan pencabulan ajaran-ajaran Islam kerana ahli-ahli politik dari parti berkenaan mempergunakan kepercayaan mendalam orang Melayu Islam untuk memerangkap mereka dan menutup fikiran mereka.

Dalam ucapan beliau bertajuk 'Dilema Baru Melayu' pada jamuan malam anjuran Kelab Harvard Malaysia di sini, Dr Mahathir berkata: "Dilema yang dihadapi orang Melayu dan rakyat Malaysia ialah sama ada kita patut, atas nama demokrasi, membenarkan negara dibinasakan atau kita memastikan bahawa rakyat tidak dijadikan bahan untuk dimanipulasi sehingga ke tahap mereka menggunakan demokrasi untuk memusnahkan demokrasi."

Menyatakan bahawa kebanyakan negara-negara demokrasi sedar akan kemungkinan itu, beliau berkata banyak demokrasi yang kononnya liberal tidak membenarkan Komunis dan fahaman Fasis untuk turut serta dalam pilihan raya mereka.

"Mereka melakukan ini kerana mereka percaya bahawa sekiranya parti-parti berkenaan menang dalam pilihan raya demokrasi, mereka akan menamatkan demokrasi. Sanggupkan kita berbuat seperti mereka dan hadapi risiko dikutuk kerana tidak mengamalkan demokrasi?" katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa ramai orang Melayu, yang tidak benar-benar memahami Islam, telah dipesongkan oleh pemimpin-pemimpin parti Islam yang kelihatan alim dengan mengenakan kopiah dan pakaian Arab.

Mereka secara fanatik telah mengikuti cara parti berkenaan sehingga malahan perkara itu telah membawa kepada negara ini menjadi disalahtabir dan mementingkan nilai-nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam, kata beliau.

Beliau berkata tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa bagi ramai orang Melayu, nilai Melayu dan Islam mereka telah dimusnahkan, dan juga diselewengkan daripada kebudayaan Melayu dan Islam yang menyebabkan ramai bersedia untuk mengundi dan menyokong sebuah parti yang "menyokong keganasan, yang memaki hamun dan dipimpin oleh pemimpin yang tidak bermoral."

"Akibat penyelewengan itu pastinya akan membawa kepada pemilihan kerajaan yang tidak baik dan penghentian pelbagai usaha untuk memastikan orang Melayu kekal perkasa dalam politik dan ekonomi seperti yang dicapai oleh bangsa-bangsa lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demokrasi hanya mengenai rakyat memilih kerajaan untuk memerintah negara tetapi kadang kala majoriti rakyat tidak dapat memilih dengan bijak kerana fikiran mereka telah diracuni sepenuhnya.

Sambil menekankan bahawa Malaysia komited kepada demokrasi, Dr Mahathir berkata berikutan perbuatan meracuni fikiran yang dilakukan oleh parti yang mendakwa kononnya Islam itu, wujud bahaya bahawa parti yang salah dipilih dan membentuk kerajaan.

"Kita telah lihat ini berlaku di banyak negara apabila parti-parti populis yang menjanjikan pelbagai perkara yang mustahil telah dipilih oleh pengundi yang terperdaya.

"Ini tidak mustahil untuk berlaku di Malaysia. Wujud kemungkinan bagi keseluruhan kemakmuran, kestabilan dan keharmonian antara kaum akan dimusnahkan," katanya.

Menyentuh mengenai dilema sama ada orang Melayu patut atau tidak lagi sepatutnya bergantung kepada "tongkat" atau hak keistimewaan dan bantuan daripada kerajaan, Dr Mahathir berkata terdapat minoriti orang Melayu yang merasa cukup yakin untuk tidak lagi bergantung kepada tongkat, meskipun secara beransur-ansur.

Menyatakan bahawa jumlah mereka berkenaan tidak akan meningkat dalam masa terdekat, beliau berkata mereka pada umumnya dianggap sebagai penderhaka kepada bangsa Melayu.

"Dilema yang dihadapi beberapa orang yang mahu membina bangsa Melayu yang kuat, berdaya tahan dan bebas tanpa tongkat ialah mereka kemungkinan besar menjadi tidak popular dan kehilangan keupayaan untuk mempengaruhi perubahan dalam sistem budaya dan nilai yang amat diperlukan.

"Ia kelihatan seolah-olah mereka tidak sepatutnya cuba dan namun mereka tahu bahawa tanpa perubahan budaya, orang Melayu akan gagal," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa beliau menulis 'Malay Dilemma' pada akhir 60-an, beliau telah mengandaikan bahawa semua orang Melayu kekurangan peluang-peluang untuk membangun dan menjadi berjaya.

Bagaimanapun, katanya orang Melayu akhirnya dilihat seolah-olah tidak menghargai peluang yang diberikan kepada mereka termasuk dalam bidang perniagaan dan pendidikan bagi membolehkan mereka maju.

"Mendapat biasiswa dan tempat di universiti-universiti dalam negara dan luar negara dianggap sebagai hak dan tidak dihargai lagi," katanya dan menurutnya dalam perniagaan pula, majoriti menganggap peluang yang diberikan kepada mereka sebagai sesuatu untuk dieksploitasi bagi mendapatkan keuntungan segera.

Dr Mahathir berkata orang Melayu tidak mampu mencapai pemilikan kuota 30 peratus dalam Dasar Ekonomi Baru kerana sikap sambil lewa mereka dan mengambil jalan mudah.

"Inilah budaya mereka. Bekerja keras, mengambil risiko dan bersabar bukan sebahagian budaya mereka," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata sekiranya orang Melayu terus bergantung pada tongkat, mereka akan kekal lemah dan oleh itu perlu bagi mereka untuk mengubah budaya mereka termasuk mempunyai etika kerja yang betul termasuk berasa bangga dengan hasil kerja mereka daripada mementingkan keuntungan kewangan semata-mata.

"Malangnya, mereka berpendapat bahawa tongkat mereka adalah simbol kepada status hak keistimewaan mereka di negara ini. Yang sedihnya ialah bahawa mereka malahan langsung tidak menggunakan tongkat itu dengan betul. Untuk menjadi kuat dan mampu menjaga diri sendiri, tongkat itu perlu dibuang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sekiranya sumbangan bukan Melayu terhadap ekonomi negara ini tidak diambil kira, Malaysia adalah sama seperti beberapa negara yang sedang membangun di Afrika.

-- BERNAMA
MAM ZS RHM